

12 November 2023

**SIARAN MEDIA**

Untuk Hebahan Segera



**Islamic Relief  
Malaysia**

**IR MALAYSIA SANTUNI ANAK YATIM INDONESIA MELALUI MISI “CARING  
WORLD”**

Seramai empat orang kakitangan Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia) bersama tiga orang Ikon Kemanusiaan IR Malaysia iaitu Diana Amir, Suffian Amrin dan Ahmad Zuhaidi Aziz dari kumpulan Saujana berlepas ke Lombok, Indonesia hari ini bagi menjalankan misi kemanusiaan bermula 12 hingga 18 November 2023.

Pasukan misi yang bergelar “*Caring World*” *Mission #Indonesia* itu akan berada di Lombok selama tujuh hari bagi melawat projek-projek kemanusiaan Islamic Relief yang dilaksanakan di sana selain memberi bantuan dan menyantuni penduduk Indonesia di lokasi tersebut.

Ketua misi, Nas ‘Aqilah Ismail merangkap Pegawai Kanan Bahagian Penjanaan Dana IR Malaysia berkata, misi kemanusiaan ke Indonesia itu memberi tumpuan kepada projek bantuan anak yatim yang dilaksanakan di sana.

“Sejajar dengan kempen MyYateem yang sedang berjalan di IR Malaysia, kami memilih lokasi ini bagi melihat sendiri impak pelaksanaan projek *Alternative Livelihood for Orphans Family* yang dilaksanakan di Lombok sejak tahun 2020 hasil sumbangan rakyat Malaysia.

“Selain itu, pasukan misi juga akan meninjau projek-projek lain seperti *Enhancing Mushroom Cultivation and Business (EMCUBUS)* dan *Orphan Sponsorship Programme (OSP)*,” kata Nas ‘Aqilah.

Pada 7 Julai 2023, IR Malaysia telah melancarkan kempen MyYateem yang membawa slogan #CareForOrphan dengan sasaran dana sebanyak RM1 juta untuk membantu anak-anak yatim di lebih 25 buah negara termasuk Indonesia, Bangladesh, Syria, Palestin, Somalia, Bosnia dan Yaman.

“Jadi, objektif misi kali ini adalah untuk memantau pelaksanaan projek-projek bantuan daripada dana IR Malaysia disamping membuat penilaian terhadap impak projek serta mengenal pasti penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi memastikan projek-projek ini berjaya dan kekal relevan,” tambah Nas ‘Aqilah.

Sementara itu, Diana Amir yang ditemui semasa sesi perlepasan berkata, dirinya bersyukur dapat menyertai misi ini setelah kali terakhir terlibat dengan misi kemanusiaan bersama IR Malaysia pada tahun 2018 ke Bosnia and Herzegovina.

“Diana bersyukur dapat mengikuti misi ini dan ini kali pertama Diana ke negara jiran Indonesia untuk melaksanakan misi kemanusiaan menyantuni anak-anak yatim dan meninjau projek-projek Islamic Relief.

“Tak sabar sebenarnya sebab bila kita pergi misi, yang lebih terkesan ialah diri kita sendiri. Tak sabar untuk bermuhasabah diri bila tengok keadaan orang lain agar kita lebih mensyukuri nikmat yang kita ada.

“Jadi, misi-misi bantuan baik di dalam negara mahupun di luar negara, perlu diteruskan untuk membantu semua orang yang memerlukan,” kongsi Diana.

Melalui misi ini, Diana turut berharap agar dapat berkongsi situasi sebenar dan cabaran hidup yang dilalui penduduk Lombok kepada masyarakat Malaysia khususnya sekaligus mengumpul lebih banyak dana untuk membantu anak-anak yatim di seluruh dunia.

“Diana berharap semoga permusafiran ini dipermudahkan dan dirapatkan ukhuwah kami agar kami sama-sama dapat jalankan misi dengan jayanya. Semoga bila kami balik nanti, kami dapat menyebarkan pengalaman dan pengetahuan kami tentang kehidupan penduduk di sana agar lebih ramai yang cakna dan menghulurkan bantuan untuk meringankan beban mereka terutama anak-anak yatim di bawah kempen MyYateem #CareForOrphan,” tambah Diana.

Selain meninjau projek-projek bantuan, pasukan “*Caring World*” Mission #Indonesia juga akan mengagihkan sumbangan kelengkapan persekolahan di sebuah sekolah dan melakukan beberapa aktiviti psikososial bagi menyantuni penduduk di sana.

Untuk perkembangan lanjut mengenai misi, orang ramai boleh melayari media sosial Islamic Relief Malaysia.

- TAMAT -

---

## **Mengenai Islamic Relief**

Islamic Relief (IR) merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. IR berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 120 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan IR merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

## **Mengenai Islamic Relief Malaysia**

Islamic Relief Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjana dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my)

---

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, hubungi Zafirah Zahari di talian 019-220 1788 atau e-mel ke

[Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my](mailto:Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my)